

D.R. 15/2008

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara 2003.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Latihan Khidmat Negara 2003 [*Akta 628*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif "Ketua Pengarah" takrif yang berikut:

' "khidmat masyarakat"—

(a) adalah apa-apa kerja, perkhidmatan atau pelaksanaan arahan bagi kebaikan orang awam keseluruhannya, dan termasuklah apa-apa kerja yang dilaksanakan yang melibatkan pembayaran kepada pihak berkuasa penjara atau tempatan, daripada apa-apa jenis dan dilaksanakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh Mahkamah;

- (b) tidak boleh melebihi 240 jam jumlah agregat; dan
- (c) hendaklah berada di bawah tanggungjawab Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi khidmat sosial dan masyarakat.'

Pindaan seksyen 18

3. Subseksyen 18(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan "hendaklah diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat".

Pindaan seksyen 19

4. Seksyen 19 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya" dengan perkataan "hendaklah diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Tiap-tiap orang yang sedang menjalani latihan khidmat negara yang memujuk, berikhtiar untuk memujuk, mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan mana-mana orang lain yang sedang menjalani latihan khidmat negara di bawah Akta ini supaya tidak hadir tanpa kebenaran melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat."

Pindaan seksyen 27

5. Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "seksyen ini" dengan perkataan "subseksyen (1) atau (2)"; dan

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Mana-mana orang yang bertanggung untuk menjalani latihan khidmat negara hendaklah apabila disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (3) diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat."

Pindaan seksyen 28

6. Seksyen 28 Akta itu dipinda—

- (a) dengan menomborkan semula seksyen yang sedia ada sebagai subseksyen (1) seksyen itu; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana orang yang bertanggung untuk menjalani latihan khidmat negara yang melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) hendaklah diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat."

Pindaan seksyen 31

7. Seksyen 31 Akta itu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

"(1A) Mana-mana orang yang bertanggung untuk menjalani latihan khidmat negara yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata hendaklah apabila disabitkan, diperintahkan untuk melaksanakan khidmat masyarakat."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Latihan Khidmat Negara 2003 ("Akta 628").

2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan mengandungi peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 628 untuk memasukkan takrif "khidmat masyarakat" yang diambil daripada takrif yang diberikan kepada istilah itu dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

4. *Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7* masing-masing bertujuan untuk meminda seksyen 18, 19, 27, 28 dan 31 Akta 628. Di bawah pindaan yang dicadangkan, seseorang pesalah yang sedang menjalani atau bertanggung untuk menjalani latihan khidmat negara adalah dikehendaki untuk melaksanakan khidmat masyarakat sebagai hukuman dan bukan lagi boleh dikenakan penalti sedia ada bagi pelbagai kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen-seksyen itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U³)2611]